

# 9 pasukan sertai Silat Gerak Suci

Berita Minggu

SEBANYAK 9 pasukan silat dari seluruh Selangor akan mengambil bahagian dalam pertandingan Silat Gerak Suci Selangor yang akan diadakan di Stadium Jagra Teluk Datuk Banting, jam 3.00 petang ini.

Antaranya ialah Silat Deepovojo, Kuala Lumpur, Kerayung Sendeng Kuala Lumpur, Silat Cekak Kajang, Silat Tangkas, Majlis Belia Selangor, Silat Jawa Purba Sepang, Silat Teras Kuala Selangor, Silat Gayung Singgora Kelang, Silat Harimau Putih Kampung Pandan, dan Silat Gerak Suci, Kuala Langat.

7 DEC 1980

Pengerusi Pertandingan Mokhtar Afandi, memberitahu per-

tandingan kali pertama ini ialah untuk merebut Piala Timbalan Kepada Menteri Besar Selangor, Dato Ahmad Razali.

Pertandingan tersebut terbahagi kepada beberapa bahagian antaranya, tangan kosong, kayu, keris dan senjata-senjata lain.

Beliau menegaskan pasukan Kerayung Sendeng dari Kuala Lumpur yang pernah menjadi johan Wilayah Persekutuan dijangka akan memberikan tentangan hebat kepada pasukan-pasukan lain.

Pemain dua beradik, Mohafizar dan Murri Mokhtar Afandi akan turut mengambil bahagian dengan mewakili pasukan Gerak Suci, Kuala Langat.

# Ahli Silat Lincach diseru jauhi dari ajaran sesat

15 DEC 1980

Pencarah near

AHLI-AHLI Silat Lincach di negeri ini telah dingatkan supaya menghindarkan diri mereka terlibat dalam ajaran sesat yang membahayakan diri mereka sendiri.

Ingatan ini telah disampaikan oleh Mahaguru Seni Silat Lincach Haji Omar Din sewaktu merasmikan gelanggang baru Silat Lincach di Kampung Kastam di Pulau Pinang kelmarin.

Beliau berkata, tindakan seperti itu perlu dilakukan oleh mereka untuk mengelakkan dari terjerumus dalam kegiatan yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar.

Mahaguru Seni Silat Lincach itu juga berharap mereka sentiasa memberi sokongan sepenuhnya kepada projek-projek yang dijalankan oleh kerajaan.

Haji Omar Din berada di Pulau Pinang selama empat hari untuk membuka lima buah gelanggang baru termasuk sebuah di Bidong Kedah.

Empat buah gelanggang di Pulau Pinang ialah di Kampung Kastam, di Universiti Sains Malaysia (USM), Sungai Ara, dan sebuah di Perai.

Gelanggang baru itu mempunyai seramai 500 orang ahli baru yang kini sedang giat menjalankan latihan.

Haji Omar Din gembira kerana kalangan generasi muda sekarang menaruh minat yang besar dalam bidang seni mempertahankan diri seperti yang terbukti sekarang.

Katanya, perkembangan ini sangat menggalakkan dan beliau berharap ramai lagi kalangan generasi muda akan tampil menciburkan diri mereka mengembangkan lagi seni mempertahankan diri ini sebagai pusaka bangsa.

Sementara itu, seni silat lincach Pulau Pinang akan mengadakan satu demonstrasi awal tahun depan yang akan disertai lebih 1,000 orang ahli terdiri dari mereka yang tamat menjalani latihan keras.

Tempat untuk demonstrasi itu belum lagi ditetapkan tetapi kemungkinan besar akan dilangsungkan di Stadium Bandaraya.

Berbagai acara mempertahankan diri akan ditunjukkan dalam demonstrasi tersebut yang

# Kejohanan silat anjuran Persisi dibatalkan

Berita Minggu

21 DEC 1980

pencak silat

KEJOHANAN silat kebangsaan yang dijadualkan berlangsung bulan ini anjuran Persekutuan Silat Singapura (Persisi) telah dibatalkan.

Drmikian menurut setiausaha agungnya, Encik Johari Uriff selepas mesyuarat Persisi kemarin.

Katanya, oleh kerana Singapura baru saja selesai menjalankan kejohanan tiga negara tahun ini, maka tidaklah wajar baginya menganjurkan kejohanan kebangsaan tahun ini.

## Bimbang

Menurut jadual, kejohanan kebangsaan itu sepatutnya dijalankan bulan ini dan ia adalah sebagai mengakhiri kegiatan Persisi tahun ini.

"Sungguhpun kami tidak dapat menganjurkan

kejohanan pada tahun ini, ia akan dijalankan tahun depan," dia memberi jaminan.

Dia juga melahirkan kebimbangan tentang kemungkinan besar kejohanan silat tiga negara yang sepatutnya dianjurkan oleh Malaysia tahun depan tidak dapat dijalankan. Kejohanan itu dijadualkan pada Februari tahun depan.

"Tetapi sejauh ini, kami belum menerima sebarang berita dari Malaysia mengenai kejohanan tersebut. Memandangkan jangka waktu yang hampir untuk kejohanan itu, besar kemungkinan ia tidak akan dijalankan," katanya.

Dia tidak mengetahui sebab mengapa Malaysia masih berdiam diri terhadap kejohanan itu, yang merupakan kejohanan ketiga dianjurkan oleh Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat).

# Ahli seni silat dianjurkan bersama pertahanan negara

30 DEC 1980

pencak silat

KUALA LUMPUR, Isnin — Persatuan-persatuan silat di negara ini hari ini diseru tampil ke hadapan tanpa tolak ansur mengembeling tenaga bersama pasukan keselamatan, apabila negara diancam musuh.

Ilmu seni mempertahankan diri perlu digunakan untuk mempertahankan maruah diri dan negara ketika diancam oleh musuh, bukan digunakan untuk mengancam orang yang lemah dan tidak berdosa atau menunjukkan kecangkahan.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Haji Embong bin Yahya, membuat seruan demikian ketika berucap merasmikan upacara penutup Perayaan dan Demonstrasi Seni Silat Cekak Malaysia, di sini, petang ini.

Beliau juga mengingatkan ahli dan Persatuan Seni Silat di negara ini supaya sentiasa berwaspada agar pengajarannya selaras dan tidak menyycleweng dari aqidah Islam.

Datuk Haji Embong juga menegaskan bahawa anasir-anasir subversif dan komunis sentiasa mencari peluang menyalurkan ideologi-ideologi mereka bagi mencapai matlamat perjuangan mereka.